

PSIKOLOGI PERKEMBANGAN KANAK-KANAK :
SATU PERIHALAN ASAS

Mahmood Nazar Mohamed

Pengenalan

Psikologi perkembangan manusia khususnya pada zaman bayi dan kanak-kanak merupakan satu subjek yang amat kompleks dan menyeluruh. Pada amnya, sub-bidang psikologi perkembangan manusia membincarakan tentang aspek perkembangan-perkembangan emosi, tingkah laku, moral, kognitif, fizikal, personaliti, perhubungan sosial serta segala bentuk permasalahan yang berkaitan dengannya. Kajian mengenai perkembangan manusia ini bermula dengan peringkat perkembangan janin, zaman bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa muda, dewasa lanjutan dan seterusnya ke zaman tua. Dalam bahagian ini, perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan tahap bayi dan kanak-kanak sahaja.

Apakah yang dimaksudkan dengan "perkembangan"? Secara amnya, perkembangan adalah pembesaran dan pembangunan organisma. Secara khususnya pula, iaitu dari fahaman psikologikal, perkembangan ialah perubahan dengan masa, yakni perubahan dari segi umur (kronologi) dan perubahan dari segi evolusi (ontogenik). Perkembangan dari sudut umur adalah jelas. Bayi membesar secara kuantitatif apabila umurnya meningkat. Bagi perkembangan ontogenik pula ia membawa maksud perubahan evolusi dari segi sahsiah, kognitif, moral, fizikal, sosial dan lain-lain aspek lagi. Perkembangan ini ialah dari sudut kuantitatif dan kualitatif.

Permulaan Hidup

Pandangan mengenai permulaan hidup telah banyak diutarakan oleh pakar-pakar agama, falsafah dan para saintis, yang mana setiap satu pendapat adalah berlainan di antara satu dengan yang lain. Jika kita tinjau dari pendekatan sains, yakni dari sudut bidang kajihayat, hidup bermula apabila sperma dari bapa bergabung dengan ovum dari ibu melalui proses persenyawaan dan ia seterusnya dibawa dalam kandungan ibu. Selepas 10 - 14 hari setelah berlakunya persenyawaan, ovum bergerak ke uterus dan ditempatkan di sana sehingga bayi dilahirkan. Dari masa perpindahan ini sehingga 6 minggu kemudian, ia dikenali sebagai embrio, yang mana jantung janin akan mula berdenyut, dan bahagian kepala dan badan jelas terbentuk. Selepas peringkat ini, ia dikenali sebagai fetus sehingga ia dilahirkan 9 bulan kemudian. Pada peringkat fetus, organ-organ dalaman dan rupabentuk fizikal terbentuk dengan kadar yang berperingkat-peringkat sehingga ia menjadi tubuh bayi manusia yang sempurna.

Evolusi Perkembangan Organisme

Jika dibandingkan di antara haiwan-haiwan di muka bumi ini, manusia merupakan haiwan yang paling lembab dari segi perkembangan. Ini ialah kerana kepentasan perkembangan adalah tertakluk kepada keadaan pencirian sistem saraf sesuatu organisma. Jikalau sistem saraf (iaitu otak dan sistem saraf pusat) itu lebih kompleks, maka masa untuk perkembangan adalah lebih lama. Mengikut teori Evolusi Darwin, manusia adalah haiwan yang teragung sekali di permukaan bumi ini, yang mana keagungan ini diperihalkan melalui keperincian sistem sarafnya dan lantaran itu, masa yang diperlukannya untuk berkembang adalah lebih panjang. Sebagai perbandingan asas, kita lihat sahaja pada seekor anak kucing. Sejurus selepas ia dilahirkan ia sudah boleh berjalan, menyondol-nyondol perut ibunya untuk menghisap susu dan boleh pula tidur di merata tempat. Dalam masa 3 bulan, ia sudah boleh wujud bersendirian. Bagaimana pula dengan bayi manusia? Bayi perlu dijaga dengan lembut sekali, dibelai, disayangi, diberi makanan yang sesuai dan diberi tempat tidur yang selesa. Ini memakan masa yang amat panjang dan asuhan itu perlu hingga ia boleh berdikari untuk menampung hidup sendiri. Jangka masa yang panjang ini akan merentangi zaman kanak-kanak dan remaja.

Pengaruh Terhadap Perkembangan Awal Bayi

Pada tahap permulaan kehidupan, bayi adalah di peringkat yang paling renta dalam hidupnya. Ia berharap sepenuhnya kepada penjaga untuk membela, memberi makanan, minuman, keselesaan dan tempat berteduh.


Namun pun demikian, terdapat beberapa pengaruh persekitaran yang boleh menjaskan perkembangan awal bayi ini terutama sekali semasa ia masih berada dalam kandungan ibu. Antara pengaruh-pengaruh ini adalah zat makanan ibu, penyakit-penyakit yang dialami oleh ibu, penggunaan ubatan, dadah dan alkohol oleh ibu semasa mengandungi bayi itu.

Janin bergantung sepenuhnya kepada apa yang dimakan oleh ibu untuk perkembangan dan pembesaran semasa dalam kandungan. Makanan yang berzat atau merangsang perkembangan janin, manakala jika zat-zat yang secukupnya tidak diperolehi, kesan-kesan pada perkembangan seperti kelahiran pra-matang, kekerapan diserang penyakit dan kecerdasan yang kurang dari yang normal akan berlaku.

Penyakit yang dialami oleh ibu semasa mengandung juga boleh menjaskan perkembangan bayi kelak. Kadangkala sesuatu penyakit yang meninggalkan kesan yang minima pada si ibu sebaliknya akan memberi kesan yang begitu teruk kepada bayi. Umpamanya, penyakit Rubella atau German Measles yang dialami oleh ibu pada 4 minggu pertama semasa ia mengandung kerapkali akan meninggalkan kesan yang buruk kepada bayi yang antaranya adalah seperti buta, pekak atau penyakit jantung.

Penggunaan dadah dan ubat-ubatan yang berlebihan juga boleh meninggalkan kesan yang buruk kepada perkembangan bayi. Penggunaan Aspirin yang kerap digunakan untuk meredakan sakit kepala kelak akan membawa kepada masalah kepada sistem pernafasan bayi (Kelsey, 1969). Kesan merokok yang berlebihan kepada bayi pula adalah seperti kurang berat badan apabila dilahirkan dan takat mortaliti bayi yang lebih tinggi. Kafine yang terdapat pada kopi dan teh jika diambil secara berlebihan akan meninggalkan kesan buruk kepada bayi yang mana satu darinya ialah ia boleh membawa kepada kelahiran pra-matang. Penggunaan dadah berbahaya seperti heroin, morfin, amfetamin, cандu dan pelbagai yang lain juga akan merencatkan perkembangan fizikal, mental dan emosi kanak-kanak kelak, kalau tidak maut yang menimpanya terlebih dahulu.

Bagi ibu-ibu yang banyak meminum minuman keras, iaitu pengambilan alkohol yang tinggi, bayi dalam kandungan akan mengalami apa yang dikenali sebagai Sindrom alkohol Janin (Rosett & Weiner, 1985). Kesan-kesan SAJ adalah kerencatan perkembangan, kerosakan pada sistem saraf dan kekerutan pada struktur muka dan tubuh bayi. Rajah di bawah memperihalkan kesan ini pada jenis-jenis pengambilan alkohol ibu yang mengandung.



(Kadar pengambilan alkohol)

Seterusnya dalam masa "perantaraan" iaitu di antara waktu bayi dilahirkan hingga ke kematangan, pelbagai pengalaman, konflik dan perkara-perkara yang berbentuk psikologikal yang rumit berlaku. Perkembangan dari sudut psikologikal ini akan dibincangkan sebentar lagi. Konflik dalam perkembangan ini akan berterusan hingga ke tahap remaja, dewasa dan tua. Setiap peristiwa psikologikal yang berlaku pada mana-mana tahap perkembangan manusia akan mempunyai impak yang kuat ke atas kehidupan seseorang itu.

Bahagian seterusnya akan membincarakan tentang perkembang psikologi kanak-kanak secara berperingkat-peringkat. Penumpuan kepada perkembangan bayi dan kanak-kanak adalah di antara umur hingga 5 tahun dititikberatkan kerana pada hemat ramai pakar psikologi seperti Sigmund Freud, Carl Rogers, B.F. Skinner, Jean Piaget dan lain-lain, tahap ini merupakan tahap yang terpenting dalam kehidupan manusia.

Perkembangan Persepsi Kanak-kanak

Manusia mempelajari mengenali alam sekelilingnya melalui pendaftaran deria, persepsi dan kumpulan-kumpulan pengalaman. Tanpa tiga faktor ini, adalah sukar manusia mengenali dan memahami persekitaran.

Jika kita kembali ke tahap bayi seketika, cuba renungkan bagaimanakah bayi mengalami alam sekelilingnya. Adakah bayi-bayi yang baru dilahirkan sudah berupaya mengenali warna, bunyi-bunyian, suhu, rupabentuk sepertimana yang dikenali oleh orang dewasa? Fenomena atau pengalaman bayi ini boleh dikenalpasti, tidak melalui bahasa (kerana bayi tidak lagi boleh bertutur) tetapi melalui perubahan fisiologi, dan reaksi fizikal yang ditonjolkan oleh bayi apabila memberi tindakbalas terhadap sesuatu rangsangan.

Kajian menunjukkan yang bayi boleh mengenali berbagai deria atau sensasi pada ketika tahap umur beberapa minggu sahaja. Fenomena refleks "rooting" umpamanya adalah tindakbalas pada deria sentuhan; yakni apabila pipi bayi disentuh, ia akan menoleh ke arah sentuhan itu. Ini tidak hanya menunjukkan yang bayi memberi gerakbalas pada deria sentuhan tetapi ia juga membantu bayi mendapatkan makanan, kerana kerap kali, sentuhan itu adalah puting susu yang membawa makanan kepadanya.

Bayi yang baru dilahirkan sudah boleh membezakan warna (Adam, 1987), bau-bauan (Balogh & Porter, 1986), citarasa dan pelbagai yang lain. Bayi lebih gemarkan warna-warna cerah daripada yang malap atau yang putih sahaja, dan bayi juga sukakan bau-bauan yang wangi. Kedua-duanya boleh dilihat melalui pergerakan mata dan juga penolehan ke arah rangsangan bau-bauan. Reaksi muka (seperti senyum, masam, dan sebagainya) pula menunjukkan pengenalan pada citarasa seperti masam, manis, tawar dan lain-lain.


Pada takat umur 10 hingga 12 minggu, bayi sudah boleh mengenali stimuli-visual yang agak kompleks, seperti bulat, bujur dan lain-lain. Beberapa bulan kemudian, bayi sudah berupaya mengenali persepsi kedalaman (depth). Hal ini dibuktikan oleh kajian Gibson & Walk (1960) melalui "visual cliff" atau tebing visual.

✓ Bayi juga amat gemar melihat visual yang tidak biasa dilihatnya. Ini menunjukkan keinginan untuk tahu pada bayi manusia adalah tinggi dan ianya merupakan satu-satu ciri yang membantu dalam proses pembelajaran. Hal ini ditunjukkan dalam kajian oleh Yonas, Arterberry & Grandrud (1987) yang mana antara 2 objek, iaitu yang biasa dilihat dengan objek baru, bayi mengambil masa yang lebih lama melihat objek baru ($X=8.3$ saat) berbanding dengan objek yang biasa dilihatnya ($X=5.6$ saat).

Perkembangan Fizikal

✓ Pada amnya, dua bentuk perkembangan fizikal berlaku pada bayi manusia. Pertama ialah perkembangan sefalokaudal, iaitu perkembangan dari tengah ke tepi. Semasa dalam kandungan, bayi membesar diri tengah dahulu yakni, dari badan dan kemudian barulah tangan dan jejari kaki. Ia juga berkembang secara proksimodistal iaitu dari atas ke bawah; kepala manusia akan berkembang dan kemudian barulah badan, tangan dan kaki, (lihat rajah di bawah).

Perkembangan
Proksimodistal



Perkembangan
Sefalokaudal



(Perkembangan fizikal bayi adalah selaras dengan perkembangan motor (pergerakan) dan otot-otot. Jikalau otot-otot yang berfungsi membantu bayi untuk duduk, merangkak dan berjalan tidak lagi berkembang, maka bayi tidak boleh melakukan perbuatan-perbuatan tersebut.) Pada puratanya, perkembangan fizikal bayi adalah seperti berikut:

- | | |
|----------------|--------------------------|
| i) 1 bulan | - mendongak |
| ii) 2 bulan | - menaikkan dada |
| iii) 3 bulan | - mencapai objek |
| iv) 4 bulan | - duduk dengan bantuan |
| v) 5 - 6 bulan | - mengenggam objek |
| vi) 8 bulan | - duduk tanpa bantuan |
| vii) 9 bulan | - berdiri dengan bantuan |
| viii) 10 bulan | - merangkak |

- | | |
|-----------------|---------------------------|
| ix) 11 bulan | - berjalan dengan bantuan |
| x) 14 bulan | - berdiri tanpa bantuan |
| xi) 13-15 bulan | - berjalan tanpa bantuan |

(Sumber: Baron, R.A., 1989)

Perkembangan fizikal bagi semua bayi manusia adalah aturan ini. Kadangkala bayi melangkah satu tahap, seperti dari merangkak kepada terus berjalan. Ini adalah sesuatu yang lazim dan bukannya sesuatu yang menunjukkan perkembangan yang deras (accelerated) sepetimana yang dianggap oleh ramai ibu-bapa.

Perkembangan Kognitif (Intelectual)

Pakar psikologi yang banyak melakukan kajian tentang perkembangan kognitif manusia ialah Jean Piaget. Beliau mengutarakan teori peringkat (stage theory) yang memperihalkan bahawa perkembangan manusia harus mengikuti peringkat-peringkat yang khusus. Melalui teori ini, beliau seterusnya menyarankan bahawa perkembangan kognitif manusia harus melalui empat tahap, iaitu Deria-motor, Pra-Operasi, Operasi Konkrit dan Operasi Formal.

Semua pengalaman manusia diatur dalam bentuk skema. Setiap pengalaman yang sama akan dimasukkan ke dalam satu skema. Proses ini dinamakan sebagai akomondasi. Jikalau pengalaman tidak boleh dimasukkan ke dalam skema yang sedia ada, maka satu skema lain harus dibentuk. Ia pula dinamakan sebagai assimilasi.


Dalam tahap deria-motor yang berlaku di antara umur 0 hingga 2 tahun, kanak-kanak membina skema mengenai apa yang boleh dilihat dan disentuhnya. Segala apa yang dilihat harus dicapai, dipegang digenggam, diketahui dan difahami kerana ini adalah cara-cara awal bayi mempelajari tentang alam sekitarannya. Perkataan utama di sini ialah melihat. Kalau kita letakkan mainan di hadapan bayi yang berumur 6 bulan, ia akan mencapainya. Tetapi apabila sehelai kertas diletakkan di antara mainan dan bayi hingga ia tidak lagi kelihatan, bayi tersebut tidak tahu di mana untuk mencarinya. Pada bayi berkenaan objek yang tidak kelihatan itu sudah hilang. Bayi yang berumur 8 bulan ke atas akan tahu bahawa mainan itu tetap ada walaupun tidak kelihatan dan pada masa ini. Piaget menyatakan yang bayi tersebut telah mencapai peringkat kekekalan objek. Pada masa yang sama, bayi sudah menunjukkan kebolehan berfikir dan bertaakul pada peringkat umur ini.

Tahap seterusnya ialah pra-operasi yang berlaku di antara umur 2 hingga 6 tahun. Pada masa ini bayi sudah boleh bertutur dan menggunakan simbol untuk tujuan berkomunikasi. Satu fenomena yang menarik yang berlaku pada tahap ini ialah antropormorfisma. Semua objek, peristiwa dan entiti yang dialami oleh kanak-kanak boleh diterangkan dalam bentuk sifat manusia. Umpamanya, Santa Klaus itu adalah krismas, kereta ayah, pinggan-

mangkok ibu dan lain-lain lagi. Pemikiran kanak-kanak di tahap ini juga adalah berbentuk berpusatkan kendiri. Kanak-kanak masih belum memahami yang mereka ini bukanlah pusat seluruh alam. Mereka tidak boleh lagi membezakan apa itu objek dan apa itu subjek.

Walaupun demikian, kanak-kanak di tahap ini sudah boleh berfikir secara intuitif. Hal ini ditunjukkan melalui kajian berikut. Tiga bola yang berlainan warna, seperti merah, biru dan hijau dimasukkan dalam corong kertas yang tidak tembus cahaya (opaque) mengikut aturan tersebut. Jika ditanya bola warna apa yang akan keluar dahulu, kebanyakan bayi akan menyatakan bola merah, kemudian biru dan hijau. Mereka yang berada di tahap ini harus boleh menunjukkan pemikiran intuitif ini, jika gagal, ini bermakna kanak-kanak itu belum memasuki tahap perkembangan pra operasi.

Untuk membezakan kanak-kanak di tahap ini dengan tahap seterusnya, ia dapat dilihat melalui satu perkembangan yang lain. Ini boleh dilihat pada rajah di bawah.



Lima biji guli yang dikelompokkan dan lima biji yang diatur sebaris kelihatan berbeza, tetapi jumlahnya masih kekal. Bagi kanak-kanak yang masih berada di tahap pra-operasi, mereka akan menyatakan guli yang diaturkan sebaris itu adalah lebih banyak dari yang berkelompok. Mereka yang mengatakan demikian belum lagi mencapai perkembangan prinsip pengekalan.

Bagi tahap operasi konkret pula, ia melibatkan julat umur dari 7 hingga 12 tahun, iaitu masa persekolahan rendah. Mereka faham akan prinsip pengekalan dan sudah tahu bagaimana untuk berfikir secara logik, mengetahui nombor, abjad, dan konsep-konsep pra-abstrak seperti padatan. Mereka juga harus faham akan konsep pembalikan (reversal). Mereka juga menggunakan lebih banyak konsep-konsep berbandingan dengan pernyataan mengenai objek. Umpamanya kanak-kanak yang berumur 4 tahun akan memperihalkan buah-buahan dari segi warna, bentuk dan rasa, manakala di peringkat ini, mereka lebih tertumpu kepada konsep buah-buahan dan lain-lain konsep. Pada amnya kanak-kanak di tahap ini sudah boleh beroperasi ke atas objek lain (pemikiran konkret) tetapi tidak tahu bagaimana untuk beroperasi ke atas operasi atau proses fikirannya sendiri (pemikiran abstrak).

Tahap terakhir berlaku di zaman remaja dan dewasa. Ia dikenali sebagai tahap operasi formal. Pada masa ini para remaja sudah boleh memahami konsep-konsep yang abstrak seperti agama, ketuhanan, moral, undang-undang, etika, hubungan antara peribadi, cinta dan pelbagai yang lain. Mereka sudah berupaya menggunakan taakulan deduktif ($A=B$, $B=C$, oleh itu $A=C$) dan menguji hipotesis dalam bentuk yang sistematis.

Perkembangan Sahsiah/Personaliti

Apabila kita bicara tentang perkembangan manusia dari sudut psikologi, satu aspek yang harus diketengahkan ialah perkembangan personaliti atau sahsiah. Personaliti ialah satu sub-bidang disiplin psikologi yang memperihalkan tentang sifat, sikap, pembawaan dan trait manusia, (serta persamaan dan perbezaan-perbezaannya di antara seorang manusia dengan manusia yang lain. Pelbagai faktor telah dikenalpasti sebagai menyumbang ke arah pembentukan personaliti dan antara pernyataan pengaruhan yang paling popular ialah penerangan yang diutarakan oleh pakar teori psikodinamik, Sigmund Freud.)

Teori personaliti yang diutarakan oleh Freud yang dinamakan sebagai teori Psikoseksual dan ia kelihatan sedikit radikal dari kaca mata masyarakat kita. Walaupun demikian, pada amnya teori ini telah berjaya digunakan dalam bidang psikologi, terutama sekali pada hal rawatan kecelaruan personaliti dan sakit jiwa. Kesahihan teori Freud dari sudut ini telah jelas terbukti dalam pelbagai penulisan yang berunsurkan psikodinamik.

Freud menyarankan yang bayi manusia mempunyai tenaga naluri yang dinamakannya sebagai libido dan tujuannya ialah untuk mencari keenakkhan seksual. Perkataan seks di sini membawa maksud kesedapan fizikal seperti didakap dan dibelai oleh ibu, menghisap, menggigit, membuang, menahan dan sensasi sentuhan fizikal.

Pada tahap bayi dan kanak-kanak, 4 tahap perkembangan psikoseksual berlaku, iaitu mulut, dubur, falik dan latent. Pada setiap tahap ini, terdapat sejenis kepuasan seksual yang harus diperolehi dan dipenuhi. Jikalau ia tidak diperolehi atau dipuaskan pada masa itu, maka kanak-kanak dikatakan sebagai "terlekat" (fixated) di tahap berkenaan. Lantaran itu, mereka akan cuba untuk mendapatkan kepuasan yang sama pada zaman dewasanya kelak, iaitu di tahap psikoseksual yang digelar sebagai tahap kejantinaan. Ringkasan perkembangan sahsiah dari teori psikoseksual ini adalah seperti berikut:

Tahap	Umur	Kehendak	Personaliti Dewasa (jika lekatan yang dialami adalah serius)
Mulut I	0- 8 bulan	menghisap	pendiam, introversi
Mulut II	8-18 bulan	menggigit	kasar, agresif, kuat bercakap, memaki, mengumpat dan lain.
Dubur I	18-24 bulan	buang najis (terlalu cepat diasuh)	Personaliti "penahan" terlalu bersih, pendiam kedekut, menahan perasaan.
Dubur II	24-36 bulan	tahan najis (terlalu lambat diasuh)	personaliti "pembuang" agresif, pengotor, pemboros, bising, tingkah laku melampau.
Falik Lelaki	36-60 bulan	konflik oedipus kasih pada ibu, identifikasi pada bapa	mengikut perasaan dan sifat-sifat bapa atau lelaki lain dalam atau luar keluarga.
Falik Perempuan	36-60 bulan	konflik elektra ingin kebebasan, benci pada ibu, kasih pada bapa, identifikasi pada ibu	mengikut sifat dan peranan seperti ibu.
Latent	5-11 tahun	tiada konflik psikologi	Lelaki berkawan dengan lelaki manakala perempuan berkawan dengan perempuan pada umur itu.
Kejantinaan.	selepas baligh	keinginan berpasang	manifestasi semua konflik yang berlaku dari 0-5 tahun.

Pada amnya, pembentukan personaliti dewasa adalah ditentukan oleh lekatan-lekatan yang dialami pada setiap tahap perkembangan awal psikoseksual, proses pengenalan identiti dan peranan jantina, proses identifikasi satu pelbagai konflik-konflik dalaman di antara struktur personaliti id, ego dan superego manusia. Walaupun pendekatan terhadap perkembangan yang diambil oleh Freud ini terlalu bersifat mekanistik dan deterministik. Sememangnya, jika ditinjau dengan serius, kita dapati yang sifat-sifat kita sekarang ini terbentuk dengan pengaruh pada zaman kecil kita. Sekadar contoh, jika sejak kecil, kita diasuh, dibimbing dengan rapi sehingga tidak memberi kebebasan berautonomi, maka sifat bergantung kepada orang lain itu akan jelas kelihatan pada personaliti dewasa seseorang itu.

Perkembangan Moral

Pakar psikologi yang menyelidik serta memperkenalkan peringkat-peringkat perkembangan moral manusia ialah Lawrence Kohlberg. Pada amnya, apa yang akan dipelajari oleh kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan ini akan menjadi batu pengasas kepada pegangan moral seseorang itu. Kanak-kanak juga akan diajar oleh ibu-bapa dan masyarakat tentang kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan, hukuman, dendaan dan pelbagai aspek moral yang lain tetapi pada tahap-tahap awal perkembangan moral, semua konsep-konsep abstrak ini tidak diketahui oleh mereka.

Kohlberg menggunakan cerita-cerita yang mempunyai unsur "dilema moral" untuk mengkaji dan menyatakan tentang perkembangan moral ini. Umpamanya, apabila seseorang yang tersangat lapar dan tidak ada wang mencuri makanan untuk mengisi perutnya, adakah perbuatannya itu betul atau salah. Reaksi yang diutarakan ke atas cerita-cerita seperti ini adalah berbeza-beza, dan ianya tertakluk kepada tahap umur, fahaman dan pengertian tentang konsep betul/salah. Peringkat dan tahap perkembangan moral yang dicadangkan oleh Kohlberg dengan berdasarkan reaksi terhadap cerita-cerita ini adalah seperti berikut:

Tahap I - Pra-moral/Moral Pra-konvensional

Peringkat I : Keputusan moral dibuat berdasarkan idea untuk mengelakkan diri dari hukuman.

Peringkat II : Keputusan moral berdasarkan kepada kecenderugnan untuk mendapatkan ganjaran atau balasan setimpal ke atas budi yang ditaburkan.

Tahap II - Moral yang Konvensional

Peringkat III : Keputusan moral berdasarkan kepada tingkah laku untuk mengelakkan diri dari dibenci atau dicari oleh orang lain.

Peringkat IV : Keputusan moral dibuat bagi mengelakkan diri dari di kritik atau dicemuh oleh pihak yang berautoriti seperti ibu bapa, guru atau model peranannya.

Tahap III - Tahap Prinsipal/Moral Pos-konvensional

Peringkat V : Keputusan bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan hukum-hukum masyarakat seperti undang-undang.

Peringkat VI : Keputusan berdasarkan kepada etika dan pendirian diri seperti mana yang dilakukan oleh Gandhi dan Martin Luther King.

Walaupun tahap perkembangan moral yang dicadangkan oleh Kohlberg mencapai peringkat ke-6, yakni yang tertinggi sekali, namun mengikut pandangan beliau, tidak ramai dari kita yang berjaya ke tahap ini. Boleh dikatakan bahawa yang kurang matang itu akan berada di peringkat bawahan manakala individu yang lebih matang akan berada di peringkat atasan.

Perkembangan Sosial Kanak-kanak

Dalam bercakap tentang perkembangan sosial kanak-kanak, kita akan tinjau teori psikososial yang disarankan oleh Erik Erikson. Beliau mengutarkan 8 tahap perkembangan psikososial yang dilalui oleh manusia tetapi hanya 4 sahaja yang terlibat dengan zaman kanak-kanak.

Erikson menyarankan bahawa setiap bayi dan kanak-kanak harus melalui tahap-tahap perkembangan ini. Pada setiap satu tahap, terdapat satu konflik yang harus diatasi dengan jayanya. Berjaya ataupun tidak seseorang itu pada tiap-tiap konflik ini akan memperihalkan tentang bentuk pandangannya terhadap masyarakat dan sekitarannya apabila ia dewasa kelak. Empat konflik psikososial yang berlaku di zaman kanak-kanak dan kesan-kesannya ke atas perkembangan sosial adalah seperti berikut.

Konflik	Apa yang diperlukan	a = berjaya b = gagal
1. Percaya tidak percaya. (0-18 bulan)	Bayi perlukan jagaan, makanan dan kasih sayang dari ibu bapa.	a. Percaya pada masyarakat b. Tidak percaya pada masyarakat.
2. Autonomi- Rasa Ragu (1-3 tahun)	Bayi ingin tunjukkan kuasa atau autonominya pada alam atau sekitarannya. Ia selalu menyatakan "tidak" atau "tak mahu" bagi tujuan ini.	a. Mempunyai rasa harga diri. b. Ragu tentang kebolehannya kelak.
3. Berdikari- Rasa bersalah (4-5 tahun)	Ingin melakukan sesuatu yang disukainya dan perlu bantuan masyarakat. Sering bertanya pelbagai soalan.	a. Rasa bangga dengan kebolehan b. Mempunyai perasaan rasa bersalah.
4. Industri- Rendah diri (6-11 tahun)	Mencuba hobi atau kegemaran. Juga perlu bantuan dan sokongan dari masyarakatnya.	a. Produktif b. Rasa Rendah diri

Sememangnya, dalam dunia ini, kita temui manusia yang pelbagai rupa gelagatnya. Ada yang takut untuk bergaul, ada yang berani dan gemar bersosial, ada pula yang terlalu bersifat syak wasangka, yang mudah mengikuti kata-kata orang lain, yang berani mengambil risiko dan pelbagai ragam lagi. Mengikut pandangan Erikson, sifat-sifat ini terbentuk hasil dari kombinasi kejayaan atau kegagalan seseorang itu menghadapi konflik psikososial pada zaman kanak-kanaknya. Bagi mereka yang gagal menghadapi semua cabaran ini akan menjadi seorang yang bersifat neurotik, tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran manakala yang berjaya pula akan menjadi individu yang agak sempurna, dan yang cukup senang menyesuaikan diri dengan persekitarannya.

Kesimpulan

Kefahaman asas tentang perkembangan kanak-kanak, terutama dari sudut psikologi seringkali dapat membantu kita mengetahui tentang konflik-konflik perkembangan yang sedang dilalui oleh kanak-kanak. Ramai orang dewasa kini mengandaikan bahawa kanak-kanak sudah boleh memahami kehendak mereka, mematuhi arahan, tidak melakukan kesilapan-kesilapan dan sentiasa beraksi dengan penuh kesopanan, tetapi ini semua adalah andaian-andaian dari fahaman dan pemikiran yang cetek. Kanak-kanak tidak boleh dilihat sebagai seorang dewasa yang kecil, dan justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab orang dewasa untuk memahami apa yang sedang dilalui, dialami dan dirasai oleh kanak-kanak, dan bukan sebaliknya.

Dengan perihalan asas tentang psikologi perkembangan kanak-kanak ini, adalah diharapkan takat kefahaman tentang zaman perkembangan manusia yang amat renta ini dapat ditingkatkan agar kita dapat membentuk satu generasi yang lebih baik, lebih berupaya menyesuaikan diri dengan lebih sihat dari segala aspek.

Rujukan

- Adams, R.J. (1987). An Evaluation of Color Preference in Early Infancy. *Infant Behavior and Development*, 10, 143-150.
- Atkinson, R.L. et.al. (1987) *Introduction to Psychology*. (Edisi Ke-8). New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Balogh, R.D. & Porter, R.H. (1986). Olfactory Preferences Resulting from Mere Exposure in Human Neonates. *Infant Behavior and Development*, 9, 395-401.
- Baron, R.A. (1989) *Psychology: The Essential Science*. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
- Erikson, E. (1951) *A Healthy Personality for Every Child; A Fact Report Finding: A Digest*. Raleigh, N.C.: Health Publication Inc.
- Erikson, E. (1963) *Childhood and Society*. New York: Norton.
- Gibson, E.J. & Walk, R.D. (1960). The "Visual Cliff". *Scientific American*, pp. 64-71.
- Gunarsa, Y.S. (1982) *Psikologi untuk keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Inhelder, B. & Piaget, J. (1958) *The Growth of Logical Thinking from Childhood to Adulthood*. New York: Basic Book.
- Kegan, J. (1984) *The Nature of Child*. New York: Basic Book.
- Kelsey, F.O. (1964). Drug and Pregnancy. *Mental Retardation*, 7, 7-10.
- Meissner, J.C. (1960) Family Dynamics & Psychosomatic Processes. *Family Process*. 5, (142-161).
- McConnell, J.V. (1977) *Understanding Human Behavior*. New York: Holt.
- Rosett, H.L., & Weiner, L. (1985). Alcohol and Pregnancy. *Annual Review of Medicine*, 36, 73-80.
- Rozumah Baharuddin. (1985) *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skinner, B.F. (1974) *About Behaviorism*. New York: Knopf.
- Yonas, A., Arterberry, M.E. & Grandrud, C.E. (1987). Four-Months Old Infant's Sensitivity to Binocular and Kinetic Information for 3 Dimensional Object Shapes. *Child Development*, 58, 910-927.